

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22

### Malaysia raih aliran masuk dana asing ketiga terbesar Asia



# Malaysia raih aliran masuk dana asing ketiga terbesar Asia

Negara catat belian bersih RM4.8b sepanjang tahun lalu

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

Malaysia meraih aliran masuk dana asing dengan belian bersih AS\$1.09 billion (RM4.8 billion) pada keseluruhan tahun lalu, iaitu ketiga tertinggi dalam kalangan negara Asia.

MIDF Research berkata, kedu-

dukan Malaysia sebagai pilihan pelabur asing itu adalah di belakang Thailand dengan AS\$5.96 bilion (RM26.24 bilion) dan Indonesia sebanyak AS\$4.27 bilion (RM18.8 bilion).

Sementara itu Vietnam pula berada di tempat keempat selepas Malaysia dengan jumlah aliran dana yang hampir sama.

Empat pasaran utama Asia lain pula iaitu Filipina, Korea Selatan, India dan Taiwan pula hanya mencatat aliran keluar dana asing masing-masing pada nilai AS\$1.25 billion (RM5.5 billion), AS\$9.66 billion (RM42.53 billion), AS\$16.50 billion (RM72.65 billion) dan AS\$44 billion (RM193.72 billion).

Pada akhir 2022, pelabur asing menjadi pembeli bersih selama 27 daripada 52 minggu 2022, dengan jumlah aliran masuk bersih RM4.38 billion.

“Sebaliknya, institusi tempatan adalah penjual bersih selama 33 minggu daripada 52 minggu 2022, dengan jumlah aliran keluar bersih sebanyak RM6.42 billion.

“Peruncit tempatan juga menjadi pembeli bersih selama 33 minggu daripada 52 minggu 2022, dengan jumlah aliran masuk bersih sebanyak RM2.04 billion.

“Dari segi penyerataan, purata volum dagangan harian (ADTV) bagi peruncit tempatan meningkat 10.0 peratus, institusi tempa-

tan pula melonjak 32.6 peratus dan pelabur asing naik 18.8 peratus,” katanya dalam satu nota penyelidikan.

**Pelabur asing penjual bersih**  
MIDF Research berkata pelabur asing bertukar menjadi penjual bersih pada minggu dagangan terakhir tahun ini pada kadar RM204.6 juta.

Ia katanya adalah pembalikan daripada belian bersih ekuiti Malaysia bernilai RM51.2 juta pada minggu berakhir 23 Disember 2022.

Tiga sektor teratas dengan aliran masuk asing bersih ialah penjagaan kesihatan (RM16.5 juta), teknologi (RM12.3 juta) serta pe-

ngangkutan dan logistik (RM7.2 juta).

Tiga sektor teratas yang menyaksikan aliran keluar bersih asing pula adalah perlادangan (RM64.7 juta), produk dan perkhidmatan perindustrian (RM57.1 juta) dan perkhidmatan kewangan (RM46.0 juta).

“Institusi tempatan dilihat mengumpul ekuiti domestik apabila mereka membeli bersih pada nilai RM290.4 juta minggu lalu.

“Pada minggu berakhir 23 Disember 2022, penjualan bersih ekuiti direkodkan adalah RM52.1 juta. Selasa dan Rabu adalah hari jualan bersih pada kadar RM44.6 juta dan RM149.0 juta,” katanya.